

Mengubah Minda Melayu

Teks Ucapan

YBhg Tan Sri Ahmad Sarji Bin Abdul Hamid

Pengerusi Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Di Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III

Sesungguhnya segala puji milik Allah subhanahu wata'ala. Kita memuji dan memohon pertolongan dan petunjuk hanya kepada-Nya. Kita berlindung kepada Allah Subhanahu Wata'ala dari keburukan jiwa kita dan dari keburukan amal perbuatan kita. Selawat dan salam kita sampaikan kepada Rasulullah Salallahu 'Alaihissalam, keluarga baginda, para sahabat dan orang-orang yang mengikuti petunjuknya. Terlebih dahulu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur iaitu Institut Peradaban Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) kerana telah sudi untuk menjemput saya bagi membentangkan kertas kerja bertajuk "Mengubah Minda Melayu".

1. Setiap sesuatu perubahan bermula dengan minda yang mempercayai sesuatu, yang mana selepas itu satu perubahan sebenar terjadi. Ini adalah satu kenyataan benar sebagaimana yang telah wahyukan di dalam al-Quran di dalam Surah ar-Ra'ad ayat 11:

"Bagi tiap-tiap seorang ada malaikat penjaganya silih berganti dari hadapannya dan dari belakangnya, yang mengawas dan menjaganya (dari sesuatu bahaya) dengan perintah Allah. Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri dan apabila Allah menghendaki untuk menimpaan kepada sesuatu kaum bala bencana (disebabkan kesalahan mereka sendiri), maka tiada sesiapapun yang dapat menolak atau menahan apa yang ditetapkanNya itu dan tidak ada sesiapapun yang dapat menolong dan melindungi mereka selain daripadaNya."

(al-Quran 13 : 11)

Secara ringkasnya, prasa “changing mind” atau “perubahan minda”, ialah untuk situasi di mana individu-individu atau kumpulan-kumpulan meninggalkan cara mana mereka kebiasaannya memikirkan tentang sesuatu isu yang penting dan kemudiannya memikirkannya dengan cara yang baru. Apa yang terkandung di dalam minda seseorang telah dibentuk oleh pengalamannya dalam jangka waktu yang panjang. Daripada zaman kanak-kanak, anak-anak Melayu telah dipengaruhi oleh nilai-nilai yang disampaikan melalui ungkapan-ungkapan, perumpamaan-perumpamaan dan peribahasa-peribahasa yang mengandungi makna-makna yang pesimis atau negatif termasuk tidak menggalakkan pengumpulan kekayaan, syak wasangka, kurang keyakinan, dan masyarakat yang berkelas.

2. Antaranya di dalam korpus Melayu adalah pepatah seperti “rezeki secupak tidak akan menjadi segantang”, dan untuk memberi justifikasi kepada pepatah ini, satu lagi pepatah telah dicipta, “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang” – pepatah ini telah membentuk idea bahawa kekayaan harta benda tidak penting, ada yang menempelak bahawa kekayaan di dunia ini tidak akan dibawa ke pusara. Kenapa ada sesetengah orang Melayu tidak menggalakkan mengumpul kekayaan, sedangkan Rasullullah s.a.w. telah bersabda: “kemiskinan membawa kepada kekufturan”, dan ibadat haji dan zakat hanya boleh dikerjakan oleh orang-orang yang berduit atau berharta.

3. Sebaliknya pula, ada terdapat bidalan yang membawa makna yang optimistik dan positif, yang menggalakkan perpaduan, pengorbanan dan berusaha, seperti “muafakat membawa berkat”, “berakit-rakit ke hulu, berenang-renang ke tepian, bersakit-sakit dahulu bersenang-senang kemudian” dan ”diam penggali berkarat”. Kesemua bahasa kiasan dan bidalan adalah lahir dari pengalaman dan pengamatan orang Melayu terhadap perkara yang berlaku di sekelilingnya. Walaupun terdapat berbagai bahasa kiasan yang merangkumi keseluruhan kehidupan orang Melayu, ternyata kita telah tidak mengambil endah dan berpegang kepada kata-kata hikmat ini. Saya cadangkan korpus ini disemak semula supaya mana-mana yang memberi pengertian yang positif boleh dibudayakan dan dijadikan sebagai landasan untuk mengubah minda orang Melayu. Saya mengesyorkan supaya UPSI bekerjasama dengan IKIM untuk membuat kajian terhadap korpus ini dan membentangkan korpus yang mampu mengubah minda orang-orang Melayu.

4. Kekurangan fahaman tentang konsep al-Qada dan al-Qadar juga telah menjadikan ramai orang-orang Melayu menyerah kepada nasib (fatalist). Makna sebenar al-Qada dan al-Qadar ialah hasil atau pulangan

yang setimpal dengan usaha kita dari melakukan sesuatu pekerjaan. Dengan lain-lain perkataan, jika seseorang itu bekerja kuat, habuannya akan banyak, tetapi jika kita redha dengan usaha yang sedikit, maka balasannya adalah juga kecil.

5. Jadi, bagaimanakah kita hendak mencapai perubahan minda Melayu? Howard Gardner, seorang Professor of Cognition and Education at the Harvard Graduate School of Education dalam bukunya “*Changing Minds: The Art And Science Of Changing Our Own And Other People's Minds*” pada tahun 2004 telah menggariskan tujuh “levers” atau pemangkin untuk mencetuskan perubahan minda seseorang itu seperti berikut:

- (i) penggunaan ‘reason’, yang asas untuk mempercayai sesuatu perkara itu. Dalam usaha untuk merubah minda seseorang, kita perlu menunjukkan masalah atau kekuatan sesuatu perkara itu dan bagaimana kita menggunakan minda untuk menyelesaiannya. Penggunaan alasan dengan betul hanya boleh berlaku dengan adanya pengetahuan. Jika orang Islam percaya bahawa menggunakan akal dan mencari ilmu serta menemu tanda-tanda wujudnya Allah subhanahu wata’ala adalah satu kewajipan, kerana sabda Rasulullah s.a.w.: “Menuntut ilmu ialah kewajipan setiap orang Islam” (al-Bukhari). (*The proper use of reason is only possible with knowledge. If Muslim believes that exercising his mind and seeking knowledge and discovering the signs of Allah in the universe is an obligation, because of the saying of the Prophet: “Seeking knowledge is a duty of every Muslim” (al-Bukhari).*);
- (ii) penggalakan penyelidikan (research); untuk membuat sesuatu keputusan atau bagi menyokong sesuatu pandangan itu, seseorang itu hendaklah dikemukakan dengan fakta-fakta dan maklumat secara saintifik dan sistematik; contohnya seseorang itu mungkin terpengaruh dengan melihat “angka jualan” sesuatu produk itu sebelum membelinya ataupun dengan “kadar pengangguran” untuk mengubah sesuatu dasar ekonomi ataupun dasar pelajaran;
- (iii) kekuatan peribadi (resonance) yang digunakan bagi menyentuh emosi dan meraih sokongan kepada sesuatu prinsip atau pandangan yang benar dan boleh mengubah pemikiran; contohnya seseorang itu akan menyokong

seorang ketua yang dianggapnya “reliable” atau yang dihormatinya (respects). Contoh teladan daripada peribadi-peribadi yang unggul dan tulus adalah satu-satunya cara yang membawa kita kepada *idea-idea* yang bernalas dan perlakuan-perlakuan yang mulia. Albert Einstein berkata: “Sesiapa yang cuai dengan kebenaran dalam perkara-perkara yang kecil tidak boleh dipercayai dalam perkara-perkara yang penting.” (*The example of great and pure personages is the only thing that can lead us to fine ideas and noble deeds. “Whoever is careless with truth in small matters cannot be trusted in important matters”, says Albert Einstein*);

- (iv) penerimaan penghargaan dan insentif – iaitu sebagai balasan kepada pencapaian kejayaan atau kepatuhan untuk berubah; untuk memupuk keintelikualan dalam masyarakat, pergerakan untuk menghargai wira-wira karyawan dan ilmuwan hendaklah mendapat perhatian yang lebih daripada media massa dan institusi-institusi yang lain. Pendewaan yang berlebihan terhadap mereka yang tidak mampu membawa apa-apa perubahan minda boleh melemahkan jati diri generasi muda.
- (v) mengambil iktibar atau contoh daripada kejadian-kejadian sebenar untuk mendorong perubahan minda sebagai contoh, fenomena kegawatan ekonomi boleh mengubah minda rakyat terhadap perkara-perkara yang menyentuh kehidupan mereka seperti lebih berjimat cermat atas penggunaan kemudahan-kemudahan awam, menambah simpanan, meningkatkan hasil kerja dan sebagainya.
- (vi) kepelbagaian dalam kaedah penyampaian melalui kepelbagaian format dan kreativiti, media yang menarik seperti TV, ICT dan lain-lain bagi tujuan untuk mengukuhkan lagi sesuatu hujah.
- (vii) memahami sebab atau faktor penolakan atau penentangan kepada perubahan (*understand the strong views and perspectives that are resistant to change*).

Baru-baru ini IKIM telah melancarkan Projek Akademik Mega: “Ahmad Ibrahim: Sebuah Biografi & Telaah Pemikiran”. Tujuan utama projek ini ialah selain daripada memberi penghormatan kepada salah seorang

pemikir Melayu yang ulung ialah supaya masyarakat dapat mempelajari daripada pemikiran dan kajian Profesor Ahmad Ibrahim.

6. David McClelland seorang pakar psikologi sosial daripada Harvard University telah menemukan terma “N-Ach” (Need for Achievement), yang mampu mengukur keinginan seseorang untuk mencapai sesuatu kejayaan, meningkatkan kemahiran, berupaya mengawal diri dan memenuhi piawaian tertinggi. Menurutnya personaliti yang mempunyai tahap “N-Ach” yang rendah, biasanya memilih kerja mudah untuk mengelak daripada kegagalan. Sebaliknya personaliti yang tinggi ukuran “N-Ach”nya memilih tugas yang sederhana sukar tetapi mampu dilakukan dengan sempurna. Saya mencadangkan supaya kita memperkenalkan satu *measurement index* untuk memacu minda Melayu Muslim yang berprestasi tinggi yang saya namakan “N-Falah (Kejayaan)”, yang sudah pasti akan mengatasi jajaran personaliti unggul yang dikemukakan oleh David McClelland, dan juga Howard Gardner. Orang-orang Melayu seharusnya mengambil panduan akan prinsip-prinsip yang telah dikemukakan oleh ahli-ahli pemikir tersebut. “Nilai kejayaan terletak di dalam pencapaian” – Albert Einstein. (“*The value of achievement lies in the achieving*” – Albert Einstein).

8. Dalam usaha membina kebudayaan pencapaian tinggi khususnya dalam bidang kewangan, orang Melayu perlu celik kewangan menurut definisi seperti berikut:

“The ability to make informed judgements and to take effective decisions regarding the use and management of money.” (Kemampuan untuk membuat keputusan yang wajar dan mengambil keputusan yang berkesan mengenai kegunaan dan pengurusan wang)

Dengan ini, untuk meningkatkan celik kewangan di kalangan orang-orang Melayu saya mencadangkan supaya diperkenalkan satu kurikulum tentang celik kewangan (*financial literacy*), selain daripada celik perniagaan (*business literacy*) di peringkat sekolah.

9. Pendidikan Kewangan ialah satu proses yang akan memberi kefahaman tentang produk-produk kewangan dan peluang-peluang kewangan. Dengan tahap pendidikan kewangan yang tinggi, maka orang Melayu akan menjadi pengguna yang berpengetahuan mengenai produk-produk kewangan yang baik, meningkat kecenderungan untuk menabung dan mengurus kelak wang mereka dengan lebih berkesan.

10. Kejayaan Permodalan Nasional Berhad (PNB) mengumpul dan mengurus dana yang besar daripada kaum Bumiputera adalah satu contoh terbaik perubahan minda masyarakat. PNB kini mendidik para pelabur melalui pelbagai program pendidikan seperti menubuhkan Kelab Pelaburan Bijak, yang bertujuan membekalkan masyarakat Malaysia dengan pengetahuan mengenai pelaburan amanah saham. Melalui kaedah ini, PNB berharap dapat mempertingkatkan lagi pengetahuan masyarakat mengenai pelaburan amanah saham, di samping menambahkan sumber dan kemahiran kewangan kaum Melayu. Perubahan minda masyarakat jelas dilihat menerusi sambutan besar-besaran mereka di dalam skim-skim amanah saham yang diuruskan oleh PNB yang sekarang ini berjaya mengumpul dana melebihi RM80 bilion dengan jumlah pelabur melebihi 8 juta orang. Kebanyakan pelabur-pelabur ini bukan sahaja terus melabur di dalam skim-skim tersebut tetapi juga telah mengekalkan dividen dan bonus yang diperolehi setiap tahun di dalam pelaburan mereka. Ini merupakan satu perubahan minda orang Melayu yang ketara di dalam bidang kewangan oleh kerana mereka telah menjadi celik pelaburan.

11. Sekian sahaja ucapan saya dan saya akhiri dengan kata-kata hikmah daripada Ralph Waldo Emerson, seorang penulis, penyajak dan ahli falsafah Amerika Syarikat, untuk renungan bersama:

“Ujian sebenar bagi peradaban sesuatu budaya atau negara itu bukannya daripada berapa ramai penduduknya, malah bukan juga daripada keluasan bandarnya, bukan juga daripada hasil tanamannya, tetapi apakah jenis manusia yang dilahirkan oleh negara tersebut” atau dalam bahasa asalnya “the truest test of civilization is not the census, nor the size of cities, nor the crops; no, but the kind of man the country turns out.”
